PRIVATE TOUR – 4 HARI 3 MALAM LOMBOK TOUR

Indonesia

Tour Code: PTR01

DOWNLOAD PDF ITINERARY

Pakej Lombok Indonesia 4 Hari 3 Malam: Menikmati keindahan alam Lombok, melawat pantai-pantai yang menakjubkan, desa tradisional Sasak, dan pulau Gili Trawangan.



ATURCARA PERJALANAN

HARI 1: TIBA DI LOMBOK – LAWATAN KE SASAK (MT/MM)

Setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Lombok, para peserta akan disambut oleh pemandu pelancong tempatan sebelum memulakan lawatan ke Sasak Sade Village, sebuah perkampungan tradisional masyarakat Sasak yang masih mengekalkan adat resam serta seni bina asal rumah-rumah mereka. Lawatan ini memberi gambaran autentik tentang kehidupan dan budaya tempatan Lombok.

Selepas itu, peserta menikmati makan tengah hari di restoran tempatan sebelum meneruskan perjalanan ke Kuta Beach (Mandalika), juga dikenali sebagai Putri Nyale Beach, antara pantai tercantik di pulau ini dengan pasir putih dan air laut yang jernih. Singgahan bergambar dibuat di hadapan Litar Mandalika, litar perlumbaan antarabangsa yang menjadi ikon baharu Lombok.

Lawatan diteruskan ke Tanjung Aan Beach, yang terkenal dengan hamparan pasir putih yang luas serta air laut kebiruan yang mempesona, sebelum bergerak ke Bukit Merese, sebuah bukit hijau yang menawarkan pemandangan laut terbuka yang sangat indah dan menenangkan.

Sebelum hari berakhir, peserta akan melawat Sukarara Village, sebuah perkampungan penenun tradisional yang terkenal dengan tekstil Lombok dan teknik tenunan *double ikat*. Makan malam disediakan di restoran tempatan sebelum peserta daftar masuk hotel dan berehat.

HARI 2: GILI TRAWANGAN - SHOPPING (SP/MT/MM)

Selepas sarapan pagi di hotel, lawatan bermula sekitar jam 9.00 pagi dengan singgahan di Bukit Malimbu, sebuah lokasi popular untuk sesi bergambar yang menawarkan pemandangan panorama indah menghadap tiga Pulau Gili iaitu Gili Air, Gili Meno dan Gili Trawangan.

Perjalanan diteruskan ke Pelabuhan Teluk Nare untuk menyeberang ke Gili Trawangan menaiki Glass Bottom Boat. Setibanya di kepulauan Gili, peserta akan menikmati aktiviti island hopping merangkumi Gili Trawangan, Gili Meno dan Gili Air. Pelbagai aktiviti santai dan sukan air seperti menyelam, berbasikal mengelilingi pulau dan aktiviti air lain boleh dilakukan atas perbelanjaan sendiri.

Makan tengah hari disediakan di restoran tempatan sebelum peserta kembali semula ke Lombok. Pada sebelah petang, peserta diberi masa untuk membeli-belah cenderamata Lombok termasuk makanan tradisional dan mutiara Lombok yang terkenal dengan kualiti tinggi serta harga yang berpatutan.

Makan malam disediakan di restoran tempatan sebelum peserta kembali ke hotel untuk berehat dan menikmati masa bebas.

HARI 3: LAWATAN KE SEMBALUN (SP/MT/MM)

Selepas sarapan pagi di hotel, peserta akan bertolak menuju ke Sembalun, sebuah kawasan tanah tinggi yang terkenal dengan keindahan alam semula jadi dan latar Gunung Rinjani. Destinasi pertama ialah Bukit Selong, yang menawarkan pemandangan eksotik merangkumi gunung-ganang dan sawah padi yang terbentang luas. Kawasan ini juga berkait rapat dengan Beleq Traditional Village, perkampungan asal masyarakat Sembalun yang terbentuk selepas letusan Gunung Samalas pada tahun 1257, menjadikannya kaya dengan nilai sejarah dan budaya.

Seterusnya, peserta menikmati makan tengah hari di restoran tempatan sebelum melawat Strawberry Farm, di mana peserta boleh melihat dan merasai sendiri hasil pertanian tempatan yang segar. Lawatan diteruskan ke Sembalun Flower Garden, sebuah lokasi bergambar yang dihiasi pelbagai jenis bunga berwarna-warni dengan pemandangan Selong Hill sebagai latar belakang.

Makan malam disediakan di restoran tempatan sebelum peserta kembali ke hotel untuk berehat.

HARI 4: PENERBANGAN BALIK (SP)

Sarapan pagi di hotel kemudian transfer ke lapangan terbang untuk penerbangan balik.

MAKLUMAT HARGA:

PENGINAPAN	HARGA SEORANG (MYR)				GROUP SIZE (PAX)
	BERDUA/BERTIGA	SINGLE SUPP	KANAK-KANAK DENGAN KATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL	
Ground Only: Puri Saron * 3 / Similar	1,300	450	1,170	780	2 - 3
	1,130	450	1,017	680	4 - 7
	1,070	450	970	650	8 - 10
Penerbangan pergi balik AirAsia KUL-LOP-KUL (kos RM1,100/seorang)estimate* - kos akhir bergantung pada tarikh yang anda pilih.					

PAKEJ TERMASUK:

- Penginapan hotel
- Sarapan pagi setiap hari di hotel.
- Hidangan makan seperti yang dinyatakan dalam atur cara perjalanan (Makanan Halal).
- Pengangkutan persendirian sepanjang lawatan.
- Perkhidmatan pemandu pelancong berbahasa Inggeris atau Melayu (Untuk kumpulan 2–7 orang: pemandu merangkap pemandu pelancong).
- Semua bayaran masuk tarikan seperti yang dinyatakan dalam itinerari.

Air Mineral setiap hari
Sewaan bot khas untuk Gili Island Tour.
Cenderamata Lombok Scarf sebagai hadiah alu-aluan.

PAKEJ TAK TERMASUK :

Tiket penerbangan dan cukai lapangan terbang antarabangsa.
Tips untuk pemandu dan tour guide RM10/seorang/hari
Insurans perjalanan RM64/seorang (Etiqa Takaful / Platinum Plan / umur 70 tahun dan ke atas tertakluk kepada surcaj)
Perbelanjaan Peribadi (Porter, Dobi, telefon, Lawatan Pilihan, dll)

HARGA KANAK-KANAK:

Harga kanak-kanak (02 – 11 Tahun): 100% Bilik Kongsi
Harga kanak-kanak (02 – 10 Tahun): Ground only - 90% extra katil
Harga kanak-kanak (02 – 10 Tahun): Ground only - 60% tiada katil
Untuk Bayi, akan berkongsi makanan dan katil dengan ibu bapa dan oleh itu FOC.

NOTA & SURCAJ :

Kadar adalah TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN DISEBABKAN MATA WANG TURUN
Surcaj dikenakan untuk Krismas, Tahun Baru, Hari Raya & Cuti Sekolah.
Tempoh sah pakej: Sehingga 31 Disember 2026

The above itineraries are to be used as guide, may change slightly.

TERMS & CONDITIONS APPLY!

Sebarang pertanyaan tentang pakej hubungi :

Admin Office : 010-321 6357
Saidatul : 011-2866 2548
Zawati : 019-2277253